

KES MAHKAMAH TRIBUNAL NO: T. 05 / 2010

DI ANTARA

SASHIKALA A/P NADARAJAN

PEMOHON

DENGAN

**KOPERASI WAWASAN PEKERJA-PEKERJA BERHAD
(KOWAJA)**

RESPONDEN

DIHADAPAN:

**PUAN PATRICIA TAN GHEE PHAIK
(PENGERUSI TRIBUNAL KOPERASI)**

**TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI KASAH
(ANGGOTA PANEL TRIBUNAL SKM)**

**PROF. MADYA DATUK HAJI MOHAMAD ALI BIN HASAN
(ANGGOTA PANEL TRIBUNAL KOPERASI)**

ALASAN AWARD (Minoriti)

Pengenalan

Pada 15.01.2010, Bahagian Tribunal Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah menerima satu rujukan pertikaian (Borang A) bertarikh 15.01.2010 di bawah seksyen 82(1) Akta Koperasi 1993 yang telah difailkan oleh Sashikala a/p Nadarajan sebagai Pemohon dan menamakan Koperasi Wawasan Pekerja-Pekerja Berhad sebagai Responden.

Penyataan Pertikaian tersebut telah diserahkan kepada Responden pada 12.03.2010. Pada 12.03.2010, Bahagian Tribunal telah menerima Pernyataan jawapan (Borang B) bertarikh 12.03.2010 yang difailkan oleh Responden.

Mahkamah Tribunal telah menetapkan tarikh perbicaraan pada 15.04.2010 dan 8.06.2010. Perbicaraan kes ini telahpun berjalan sebagaimana yang ditetapkan.

Selepas kedua-dua pihak selesai mengemukakan kes masing-masing, Pengerusi Tribunal telah memberi masa kepada kedua-dua Pemohon dan responden untuk mengemukakan Penghujahan Bertulis. Bahagian Tribunal telah menerima Penghujahan Bertulis dari Responden bertarikh 8.06.2010. Ekoran daripada itu, Bahagian Tribunal telah menetapkan tarikh keputusan kes rujukan pertikaian ini pada 26.08.2010.

Fakta Kes

Pihak Pemohon dalam Pernyataan Pertikaian telah memohon satu relief bahawa pihak Responden membayar kembali wang penyelesaian awal yang berlebihan iaitu RM13,340.96 serta kos-kos penyelenggaraan dan lain-lain terhadap Responden. Tuntutan Pemohon berikutan dengan permohonan pinjaman oleh Pemohon daripada Responden. Fakta berkenaan dengan pinjaman tersebut adalah wajar diperturunkan di sini.

Pemohon telah menandatangani Perjanjian Pinjaman pada 21.08.2007 dengan pihak Responden. (Pinjaman No. 40015/10/5456/2) untuk pinjaman peribadi berjumlah RM59,000.00. (Selepas ini dinyatakan sebagai “**Pinjaman Pertama**”) Terma-terma seperti dalam perjanjian pertama adalah:

- i. tempoh ansuran 120 bulan (10 tahun);
- ii. kadar faedah 10% setahun;
- iii. bayaran ansuran sebanyak RM983.33

Pemohon telah mengakui menerima sejumlah bayaran sahaja iaitu RM47,790.00 dan dimaklumkan oleh agen Responden, En Eric bahawa potongan sebanyak 19% sebagai fi pemprosesan pinjaman termasuk komisen agen, duit setem dan insuran. Potongan gaji Pemohon sebanyak RM983.33 bermula mulai bulan September 2007.

Pemohon telah menandatangani satu lagi perjanjian iaitu Perjanjian Tambahan pada 13.10.2008 dengan Responden (Pinjaman No. 90090/10/1191/26) untuk pinjaman peribadi tambahan berjumlah RM12,165.43. (Selepas ini dinyatakan

	RM
Pinjaman asal	59,000.00
(-) Ansuran potongan gaji untuk 19 bulan (Potongan gaji RM983.33 mulai 12/2007 hingga 9/2009)	2,242.00
Pinjaman asal	<u>56,758.00</u>
Pinjaman tambahan	12,165.43
(tambah) kadar faedah pinjaman tambahan (RM12,165.43 x 10% x 9/12)	912.00
Jumlah sepatutnya untuk penyelesaian awal	<u>69,835.43</u>

Maka, jumlah yang telah dibayar RM84,506.39 kepada Responden dan ditolak jumlah sepatutnya untuk penyelesaian awal RM69,835.43 maka Pemohon menuntut dikembalikan wang lebihan bayaran sebanyak **RM14,670.96**

Hujahan pihak Responden pula menyatakan bahawa perkiraan yang telah dibuat adalah mengikut "sum of digit method" sebagaimana kenyataan saksi RW1. Perkiraan oleh Responden seperti berikut:

	RM
Jumlah pinjaman [(RM59,000 – RM365.70) + RM12,165.43]	70,799.73
(+) Jumlah faedah (RM70,799.73 x 10% x15 tahun)	106,199.60
Jumlah pinjaman keseluruhan	<u>176,999.33</u>
(-) Jumlah telah dibayar (RM983.33 x 11 bulan)	10,816.63
Baki untuk penyelesaian	<u>166,182.70</u>
(-) Jumlah Rebet	81,889.08
	<u>84,293.62</u>
(+) Caj Penyelesaian awal	212.77
Jumlah perlu bayar untuk penyelesaian awal	<u>84,506.39</u>

Pandangan Panel

Berdasarkan kepada persetujuan bersama antara Pemohon dan responden bahawa bayaran bulanan sebanyak RM983.33 oleh Pemohon akan menggunakan kaedah nisbah iaitu 12% untuk bayaran principal dan 88% untuk bayaran faedah.

Perkiraan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

Bayaran bulanan RM983.33 untuk selama 20 bulan (Januari 2008 sehingga Ogos 2009 – penyelesaian awal) adalah sebanyak RM 19,666.66. Menggunakan formula diatas maka dapat dikenalpasti pembahagian antara principal dan faedah seperti berikut:

Prinsipal	:	RM 19,666.66 x 12% = RM 2,359.99
Faedah	:	RM 19,666.66 x 88% = <u>RM17,306.67</u>
		<u>RM19,666.66</u>

Oleh itu, perkiraan penyelesaian awal seperti berikut:

	RM
Jumlah Pinjaman	70,799.73
(+) Faedah dikenakan sehingga Ogos 2009	17,306.67
Jumlah pinjaman tertunggak	<u>88,106.40</u>
(-) Bayaran sehingga Ogos 2009	2,359.99
Jumlah Penyelesaian awal	<u>85,746.41</u>
Rebate*	1,240.02
Baki untuk penyelesaian awal	<u><u>84,506.39</u></u>

* Rebate tidak ditentukan dalam perjanjian dan menggunakan budibicara pihak Responden.

Keputusan Panel:

Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dibincangkan di atas, Panel membuat Perintah seperti berikut:

1. Bayaran penyelesaian awal oleh Pemohon adalah patut dan dibenarkan sebanyak RM84,506.39 kepada Responden
2. Menolak permohonan Pemohon untuk baki wang lebihan penyelesaian awal; dan
3. Kos kepada Responden

Bertarikh: 26 Ogos 2010.

Disediakan Oleh,

(HAJI IBRAHIM BIN HAJI KASAH)

Ahli Panel Tribunal – Suruhanjaya Koperasi Malaysia.